

30 JUL 2001

Mahathir-Sarawak

UMNO TIDAK SOKONG CALON BEBAS DI SARAWAK, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 30 Julai (Bernama) -- Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno tidak memberikan sokongan kepada mana-mana calon bebas pada pilihan raya negeri Sarawak yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Tidak, Umno tidak menikam rakan-rakannya daripada belakang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres United Pasokmomogun Kadazandusun Organisation (UPKO) kali ketujuh di sini.

"Jikapun kita ada simpati kepada mana-mana kumpulan, kita akan tetap berdiri teguh untuk Barisan Nasional (BN)," kata Dr Mahathir yang juga pengerusi BN.

Perdana Menteri berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai dakwaan pihak tertentu di Sarawak bahawa Umno menyokong beberapa calon bebas yang akan bertanding pada pilihan raya negeri Sarawak yang mesti diadakan sebelum November ini.

Dr Mahathir menegaskan bahawa salah satu contoh komitmen Umno terhadap BN adalah semasa pilihan raya kecil Likas di Sabah baru-baru ini di mana ia memberikan sokongan padu kepada calon BN Datuk Yong Teck Lee.

"Umno di Likas memberi sokongan penuh kepada BN, kita memberikan sokongan padu walaupun calon yang bertanding bukan daripada Umno...ini kerana Umno komited kepada BN. Siapa yang menang tidak berapa penting...BN yang perlu menang," katanya.

Umno telah bertapak di semua negeri kecuali Sarawak. Sebelum ini parti yang berpusat di Semenanjung itu telah mengembangkan sayapnya ke Sabah.

Dalam pilihan raya kecil Likas pada 21 Julai, Yong menewaskan tiga calon lain dengan majoriti 7,541 undi.

Ditanya mengenai kejayaan di Likas, Dr Mahathir berkata beliau gembira dengan keputusan itu terutama kerana BN telah mengekalkan kerusi itu dengan pertambahan majoriti.

"Ia membuktikan bahawa bukan pengundi hantu yang telah memberikan kemenangan kepada kita...mungkin ada pengundi hantu (sebelum ini) tetapi jika adapun, saya telah bangkitkan sebelum ini bahawa bantahan perlu dibuat daripada awal dan bukannya selepas kalah pada pilihan raya," katanya.

"Di sini mereka membantah apabila kalah. Jika menang, mereka berdiam diri kerana jika membuat aduan mungkin terpaksa diadakan pilihan raya kecil," kata Dr Mahathir.

Mengenai sokongan kuat yang diberi kepada BN di kawasan Kadazandusun di Likas, beliau berkata ia disebabkan masyarakat Kadazandusun telah mengubah sikap.

Katanya, sebelum ini mereka meragui BN kerana berpendapat bahawa kerajaan negeri Sabah "didominasi oleh orang Melayu dan Islam".

"Tetapi kita memberi pertimbangan kepada mereka dan sekarang mereka lebih releks dan sedia menerima konsep bekerjasama," katanya.

Terhadap dakwaan pembangkang bahawa peratusan kecil yang keluar mengundi pada pilihan raya itu menunjukkan pengundi hilang keyakinan terhadap daftar pemilih, Dr Mahathir berkata jumlah rendah keluar mengundi adalah biasa dalam pilihan raya kecil.

"Itu sikap dalam pilihan raya kecil, ada orang yang memikirkan bahawa kita akan tetap menang juga manakala ada pula yang tidak peduli kerana mereka hanya berminat pada pilihan raya yang akan menentukan siapa membentuk kerajaan," katanya.

Jumlah keluar mengundi pada pilihan raya kecil Likas adalah 52.95

peratus.

-- BERNAMA

JS HAK RYN MOZ